

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN  
NARRASHID  
[KOTA TINGGI - BN]**

**SOALAN NO. 349**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perkembangan terkini program Rakan Muda dan adakah Kementerian bercadang untuk membuat penambahbaikan ke atas program tersebut agar dapat menjadi penanda aras kerangka utama TN50.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui program Rakan Muda, pelbagai bidang yang diterokai seperti penyerlahan bakat, potensi diri, kesukarelaan, kepimpinan, jati diri, patriotisme dan lain-lain. Contoh program Rakan Muda yang dilaksanakan adalah seperti MyCorps, Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda, Rakan Muda IPT dan Skwad Sukarelawan Rakan Muda.
  
2. Baru-baru ini, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah selesai melaksanakan misi MyCorps Afrika di Uganda, Tanzania, Kenya dan Sudan. Seramai 46 sukarelawan terlibat dalam misi pada kali ini. Penempatan di MyCorps Afrika bermula pada 5 Januari 2018 dan berakhir pada 8 Mac 2018.
  
3. Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda adalah sebuah program pengiktirafan oleh pihak kerajaan yang bertaraf antarabangsa dan turut dikenali di peringkat antarabangsa sebagai The Duke Of Edinburgh International Award. Peserta perlu melaksanakan kesemua empat (4) komponen bagi melayakkan mereka untuk menerima anugerah pada tahap yang disertai iaitu khidmat masyarakat, kemahiran, rekreasi fizikal dan penjelajahan lasak. Sehingga kini, seramai 126,341 peserta telah ditauliahkan pada tahap gangsa, perak dan emas.

## **SULIT**

4. Skwad sukarelawan Rakan muda turut melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat membantu mangsa bencana membersihkan persekitaran dan melaksanakan aktiviti di pusat pemindahan bencana. Pada tahun 2017, seramai 320 orang sukarelawan telah digerakkan bagi membantu mangsa banjir di Negeri Pahang, Kelantan, Perak dan Pulau Pinang.
  
5. KBS sentiasa membuat penambahbaikan ke atas program Rakan Muda seiring dengan perubahan masa kini agar kekal relevan dengan keperluan dan kehendak generasi muda. Usaha ini dilihat sebagai satu platform bagi menyediakan generasi muda ini sebagai tunjang utama kepada kemajuan negara selari dengan aspirasi belia dalam TN50. Selain itu, KBS turut mengalu-alukan sebarang cadangan penambahbaikan yang membina bagi meningkatkan program Rakan Muda.

Sekian, terima kasih.